

29 AUG 1999

Mahathir-F1

TERPULANG KEPADA PETRONAS UNTUK KAJI TAJAAN PASUKAN SAUBER

SEPANG, 29 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, terpulang kepada Petronas sama ada untuk terus menaja atau tidak pasukan lumba Formula I (F1) Sauber.

"Itu satu keputusan yang mesti dibuat oleh Petronas. Mereka akan menilainya...jika mahu meneruskan dengan Sauber, itu keputusan mereka. Jika mereka mahu menamatkannya dan meneruskan dengan pasukan lain, itupun keputusan mereka," kata beliau dalam persidangan berita selepas melepaskan Lumba Merdeka Antarabangsa 300km di Sirkuit F1 Sepang, di sini.

Dr Mahathir ditanya mengenai kemungkinan syarikat petroleum nasional negara menaja pasukan lain memandangkan persembahan "teruk" oleh pemandu-pemandu Sauber dalam perlumbaan F1.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak boleh menghalang Petronas kerana ia merupakan projek syarikat itu.

Kepada satu lagi soalan, Dr Mahathir berkata Proton kini membangunkan enjinnya sendiri dan berharap enjin itu dapat dikilangkan dalam tiga tahun lagi.

"Saya rasa Proton sedang usahakan enjinnya sendiri yang saya harap akan direkabentuk dan dikeluarkan sepenuhnya oleh rakyat Malaysia."

"Mungkin ia mengambil masa tiga tahun sebelum anda boleh memulakan pengeluaran sebenarnya," kata beliau.

Dr Mahathir berkata, Malaysia kini mempunyai kemampuan untuk merekabentuk enjin baru yang sesuai bagi kereta Malaysia.

Beliau ditanya mengenai enjin prototaip buatan Malaysia hasil usahasama Petronas dan Sauber Holdings yang akan digunakan dalam kereta-kereta Proton.

"Enjin itu secara asasnya enjin perlumbaan. Ia mungkin digunakan dalam beberapa model Proton tetapi saya tidak tahu sama ada ia boleh digunakan dalam Proton biasa," katanya lagi.

Dr Mahathir juga memuji kejuruteraan Proton dengan menyifatkannya sebagai "top-class" sehinggakan banyak syarikat berminat membentuk perkongsian dengan pengeluar kereta nasional itu.

"Proton telah maju dengan pantas berbanding mana-mana syarikat pengeluar kereta di negara maju atau sedang membangun...lebih cepat daripada yang lain," katanya.

Mengenai keraguan pihak tertentu akan manfaat daripada menganjurkan perlumbaan F1 yang berprestij itu pada Oktober ini, Dr Mahathir berkata perlumbaan itu akan ditonton oleh 300 juta orang di seluruh dunia dan disiarkan di lebih 50 negara.

"Jika anda menghitung berapa banyak kos waktu siaran jika anda mahu menyiarkannya kepada 300 juta orang, anda mungkin mendapat sedikit idea mengenai nilai perlumbaan F1," katanya.

Perdana Menteri berkata, semua aspek Malaysia akan ditonjolkan semasa acara itu di samping maklumat latar belakang mengenai negara tuan rumah.

"Jadi daripada segi wang pelancong, ia akan membawa jumlah yang besar dalam jangka panjang," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau dimaklumkan yang kebanyakan tempat duduk di Sirkuit F1 Sepang telah ditempah oleh orang asing, termasuk yang paling mahal berharga lebih kurang AS\$4,000.

Beliau berkata, ini akan membawa banyak pendapatan daripada pelancong bukan sahaja kepada kerajaan tetapi juga hotel-hotel dan industri lain.

Malaysia, katanya, juga berminat menganjurkan acara-acara antarabangsa

lebih kurang sama yang ia mampu mengendalikan.

Ditanya bila negara akan mempunyai pemandu F1, Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu bila ia akan berlaku dan menambah ia merupakan kemahiran yang perlu didapatkan.

Perdana Menteri berkata, mereka yang bercita-cita menjadi pemandu F1 perlu bermula dengan perlumbaan go-kart sebelum ke perlumbaan lain dan akhirnya F1.

"Seperti yang anda tahu, banyak daripada pemandu F1 merupakan bekas pelumba go-kart," katanya.

Mengenai pelumba muda Malaysia, Alexander Yoong yang terbabit dalam kemalangan semasa perlumbaan F3000 di Belgium, Dr Mahathir berkata kejadian itu tidak harus menghalang beliau daripada meneruskan usahanya untuk menjadi pemandu F1.

Beliau juga mengesahkan yang kerajaan berhasrat menarik balik duti import terhadap go-kart kerana minat yang kian meningkat terhadap perlumbaan go-kart.

Sebanyak 72 kereta Proton menyertai perlumbaan 55-pusingan itu sempena sambutan hari kebangsaan pada 31 Ogos.

-- BERNAMA

MAM PR